

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 1 TAHUN 2020**

Tarikh : **30 Oktober 2020 (Jumaat)**

Masa : **9.00 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat 1,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Dan *Zoom Meeting* (Dalam Talian)**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali

ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang pertama. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan serta segala Daerah Takluknya telah memberi perkenan untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya diisythar menjadi Majlis Bandaraya Subang Jaya berkuatkuasa hari Selasa 20 Oktober 2020 yang lepas.

Ucapan jutaan terima kasih juga diberikan kepada Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi

memastikan perjalanan menuju Bandaraya yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Majlis Bandaraya Subang Jaya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada penduduk MBSJ. Komitmen yang jitu, berintegriti serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain merupakan elemen terpenting yang akan digalas oleh semua warga kerja.

Sebagai sebuah PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, MBSJ akan sentiasa meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam telah dan sedang dijalankan demi kemudahan masyarakat setempat manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

- iv) Beliau turut mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada Ahli Majlis yang baharu dilantik daripada parti DAP iaitu Encik Mohd Tarmizi bin Lazim dan Encik Muhammad Khairil bin Khalid.
- v) Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bil. 3/2020 bertarikh 23 Oktober 2020 telah menimbangkan dan bersetuju untuk meluluskan Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian).
Mesyuarat Jawatankuasa OSC bil. 18/2020 bertarikh 22 Oktober 2020 telah menimbang dan bersetuju meluluskan penukaran kegunaan rezab tapak pmu kepada intitusi awam

(pusat bimbingan) di atas tanah seluas 1.52 ekar, Taman Serdang Jaya.

Pindaan ini juga akan dimasukkan ke dalam Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 selaras dengan kelulusan Kerajaan Negeri merujuk surat Pejabat Tanah Daerah Petaling bil.(4)dlm PTD.p.11/13/2019/MPSJ bertarikh 19 Oktober 2020.

Proses seterusnya, Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengantian) ini akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri sebelum diwartakan.

- vi) Pemakluman berkenaan Program Smart E-Lesen MBSJ 2.0 merupakan kesinambungan aktiviti perniagaan yang boleh dilaksanakan secara dalam talian. E-Lesen MBSJ 2.0 - *Be Smart & Safe* terbahagi kepada dua iaitu Permohonan Lesen Tred Perniagaan dan Pembaharuan Lesen Tred Perniagaan.
- vii) Datuk Bandar turut berkongsi tentang laporan demam denggi yang dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Sehingga 24 Oktober 2020 terdapat sebanyak 5,771 kes positif telah dilaporkan. Pada Minggu Epid 43 iaitu daripada 18 hingga 24 Oktober 2020. Terdapat 1 lokaliti hotspot denggi iaitu di Lagoon Perdana PJS 9/1. Majlis menyeru masyarakat agar memastikan kawasan premis dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pemberian nyamuk Aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pemberian nyamuk Aedes.

- viii) Bagi pelaporan kes covid 19 pula, sehingga 25 Oktober 2020 terdapat 26,565 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan 229 kematian. Di Selangor, sehingga 25 Oktober 2020 terdapat 3,968 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 1,096 kes di daerah Petaling. Sebanyak 193 kes yang dilaporkan adalah di kawasan pentadbiran MBSJ.
- Sejak 13 Oktober 2020, Majlis telah menghantar seramai 6 orang kakitangan Jabatan Kesihatan untuk membantu PKD Petaling membuat siasatan kes Covid 19 dan kontak rapat. Kakitangan terlibat terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Kesihatan Persekutuan dan 4 orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan.
- Masyarakat dinasihatkan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan/guna handsanitizer), Wear (digalak memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).
- ix) Datuk Bandar mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul kepada semua yang beragama Islam. Islam mengajar kita untuk berlapang dada apabila menghadapi sesuatu kesusahan dan kesempitan. Tidak semua cita-cita dan impian akan dapat dicapai dalam sekelip mata. Tetapi usaha dan tekad mestilah diteruskan sehingga kejayaan dicapai.

Masalah wabak covid-19 yang melanda negara kita sekarang ini telah mengajar kita untuk mementingkan kebersihan dan menginsafi diri untuk lebih bertenang dan bertindak secara positif. Sekurang-kurangnya kesusahan yang kita hadapi sekarang ini dapat menginsafkan diri kita terhadap kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berdoa kepada-Nya agar segalanya dapat dipulihkan seperti sediakala.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 8/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2020 bertarikh 30 September 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 8/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2020 bertarikh 30 September 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya bil.4/2020 bertarikh 5 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.17/2020 bertarikh 7 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.18/2020 bertarikh 22 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.12 & m/s 88	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Kertas Kerja : 134/18/86/2020 Untuk : Sunway Medical Cebtre Sdn Bhd. (341855-X)	<p>Beliau memaklumkan tentang perkara-perkara yang berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Berhubung perkara c(ii), mohon semakan semula terhadap keluasan kedua-dua hak milik. ii) Isu piawaian takrifan Hotel Suite yang tidak ada di dalam garis Panduan Perancangan MBSJ. Hotel Suite secara asasnya lebih besar daripada bilik hotel yang biasa. Oleh itu perkiraan Tempat Letak Kereta (TLK) adalah berbeza. Minta dimasukkan syarat bahawa Hotel Suite tidak boleh dijual kepada pengguna.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta perkara tersebut dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Menyemak saiz keluasan yang dinyatakan dalam perkara c(ii) kerana terdapat kekeliruan.ii) Jabatan OSC perlu meletakkan pindaan syarat tentang bilangan Tempat Letak Kereta (TLK) bagi Hotel Suite. Bilangan ini sepatutnya berbeza dengan garis panduan yang digunakan sebelum ini bagi bilik hotel biasa (4 bilik = 1 TLK), sepatutnya bagi Hotel Suite 1 bilik = 1 TLK. Bagi isu samada Hotel Suite boleh dijual atau tidak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>perlu dirujuk kepada pihak berkaitan.</p> <p>iii) Jabatan Perancangan Bandar perlu menetapkan satu takrifan tentang Hotel Suite supaya tidak boleh dipindahkan kegunaannya kepada <i>apartment</i> atau kediaman secara jangka masa panjang bagi memastikan kesilapan yang berlaku di Dorsett tidak berulang semula.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan OSC / Perancangan Bandar</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.6/2020 bertarikh 8 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2020 bertarikh 8 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2020 bertarikh 12 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2020 bertarikh
13 Oktober 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan/pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Cadangan pengurusan, pengendalian dan penyelenggaraan Dewan Serbaguna Puchong Utama 7, Jalan Puchong Utama 7, Taman Puchong Utama Oleh: Syarikat Kejuruteraan Puncak Emas Sdn. Bhd.	<p>Beliau ingin mengetahui status terkini berkenaan Dewan Puchong Utama 7.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta Ahli Majlis mendapatkan maklumat terperinci dan status terkini berkenaan Dewan Puchong Utama 7 daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 5.1 & m/s 4	Puan Lee Jen Uyin	Cadangan kaedah mengantikan penghantaran bil cukai taksiran secara pos kepada penduduk	<p>Beliau menyatakan bahawa cukai taksiran merupakan pendapatan utama Majlis. Sekiranya pertukaran kaedah penghantaran yang baharu, adakah persediaan yang terperinci telah dilaksanakan?</p>
		Encik Thamilarasu Sandayan		<p>Beliau mencadangkan agar MPSJ mengkaji dan memberi perhatian kepada warga emas serta individu yang tidak mempunyai kemudahan internet atau telefon pintar yang mampu mengimbas kod QR.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta agar perkara ini dibentangkan secara</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>terperinci dan diperhalusi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Hasil</p>
3.	Para 5.6 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	<p>Pelaporan perbincangan berkaitan halatuju projek penswastaan di antara Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Asia Kreatif Sdn. Bhd.</p>	<p>Beliau ingin tahu ulasan dan status terkini berkenaan perkara ini.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Keputusan pembayaran pampasan berjumlah RM 1,924,082.32 kepada pihak AKSB merupakan keputusan MMKN Selangor ke 20/2011 yang telah bersidang pada 8 Jun 2011. Beberapa sesi perbincangan telah dibuat oleh pihak Majlis dengan pihak syarikat namun</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>masih tiada sebarang keputusan dapat dicapai terhadap pembangunan yang telah siap dan halatuju pembangunan ke atas baki tanah. Pihak Majlis perlu menyelesaikan perkara ini kerana sebarang pemajuan baru tidak akan dapat dilaksanakan selagi perjanjian lama tidak dibatalkan secara rasmi atau terbatal secara automatik atas faktor tempoh masa.</p> <p>Perkara ini masih boleh dibincangkan dan dicadang agar mesyuarat teknikal diadakan bagi memperhalusi tindakan yang akan dilaksanakan supaya tidak</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menyebabkan kesilapan yang boleh memberi implikasi perundangan kepada pihak Majlis.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2020 bertarikh 14 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan/pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 3	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	Laporan prestasi Syarikat Konsesi Bunting MPSJ	Beliau ingin tahu berkenaan skop kerja Syarikat Konsesi Bunting MPSJ samada melaksanakan kerja memasang bunting

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>atau menurunkan bunting tanpa kebenaran. Statistik berkaitan bilangan bunting juga perlu dilaporkan.</p> <p>Selain itu juga, beliau memohon pelaporan pemutihan perniagaan di kampung tradisi dibentangkan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Datuk Bandar meminta laporan terperinci berkenaan penurunan bunting haram dan laporan pemutihan perniagaan di Kampung Tradisi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Perniagaan akan datang.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pelesenan</p>

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 15 Oktober 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 Kertas Cadangan Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) Majlis Bandaraya Subang Jaya tahun 2020
(Kertas Mesyuarat Bil.1/1/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dan dibentangkan oleh Datuk Bandar MBSJ.

Perbincangan Mesyuarat :

BIL	AHLI MAJLIS	CADANGAN	MAKLUM BALAS
1.	Encik Wong Yii Seang	Beliau ingin penjelasan adakah penerima hanya penduduk di kawasan angkat / pangsapuri angkat sahaja atau melibatkan seluruh zon?	Datuk Bandar memaklumkan bahawa penerima sumbangan meliputi seluruh zon JKP.
2.	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Bagi perkara 5.1.1 berkenaan program penyampaian sumbangan. Beliau mencadangkan jumlah sumbangan ditukar kepada RM 100.00 setiap penerima supaya jumlah penerima boleh ditingkatkan kepada 30 orang penerima bagi setiap zon.	Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima Kertas Cadangan Majlis Penyampaian Sumbangan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) Majlis

Bandaraya Subang Jaya tahun 2020. Ahli Majlis perlu mengenalpasti penerima yang layak dan cara penyampaian dilaksanakan oleh Ahli Majlis daripada rumah ke rumah. Kuantiti yang diluluskan seperti yang berikut :

BIL	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA SETIAP ZON MPP
1.	Program Penyampaian Sumbangan (RM 100.00 setiap penerima)	30 penerima
2.	Program Sumbangan Kembali ke Sekolah (RM 100.00 setiap penerima)	50 penerima

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

7.2 Kertas Cadangan Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa dan Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Ahli Majlis Baharu Parti DAP (Kertas Mesyuarat Bil.2/1/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Setiausaha Bandaraya.

Perbincangan Mesyuarat :

BIL	AHLI MAJLIS	CADANGAN
1.	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Beliau mencadangkan Encik Muhammad Khairil bin Khalid dimasukkan sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Perundangan memandangkan beliau mempunyai latar belakang berkaitan perundangan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Cadangan Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Ahli Majlis Baharu Parti DAP dengan keputusan seperti yang berikut :

BIL	NAMA	JAWATANKUASA	ZON JKP
1	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	<ul style="list-style-type: none">▪ Jawatankuasa Kawalan Perniagaan▪ Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan	<p><u>JKP ZON 7</u></p> <ul style="list-style-type: none">▪ Taman Putra Heights▪ Kampung Bukit Lanchong

BIL	NAMA	JAWATANKUASA	ZON JKP
		<p>Kemudahan Awam</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar	
2	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	<ul style="list-style-type: none">▪ Jawatankuasa Kewangan▪ Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat▪ Jawatankuasa Kemasyarakatan▪ Jawatankuasa Kecil Perundangan	<p><u>JKP ZON 8</u></p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kampung Kenangan▪ Kampung Batu 13 ½▪ Kampung Tengah A▪ Kampung Tengah B▪ Kampung Kuala Sungai Baru

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan Pembangunan Masyarakat**

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.10 pagi.

Tarikh Disediakan : 3 November 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Bandaraya

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPR. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR DI BILIK MESYUARAT

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | TPr Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 6. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |
| 9. | Encik Abbas Salimi bin Che Adzmi@Azmi | - | " |
| 10. | Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |

TURUT HADIR (AHLI MAJLIS) – ONLINE DI KEDIAMAN MASING-MASING

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |

3.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
4.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
5.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
6.	Encik Wong Yii Seang	-	"
7.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
8.	Puan Ng Seow Chen	-	"
9.	Encik Koh Eng Kee	-	"
10.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
11.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
12.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
13.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
14.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ) – ONLINE DI JABATAN MASING-MASING

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail Bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr. Aida Binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Nor Azmi Bin Hj Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Muhammad Azli Bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Samzol Bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Puan Hjh. Noraziah Binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam

15. Sr Nazarudin Bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
16. Cik Rozdiana Binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Sr Mohd Marwan Bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
18. Encik Azfarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
19. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Lanskap
20. Puan Emilia Binti Nasir
Penolong Pengarah, Jabatan Unit Integriti

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli - Ahli Majlis
2. Puan Kavitha A/P Chandragesen - Ahli Majlis

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Sakinah binti Mohammad
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan